

04 JUL 2001

BN-Buku

BUKU 'BALANCING COMMUNAL RIGHTS' PERJELASKAN MENGENAI BN

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional akan melancarkan buku bertajuk "Balancing Communal Rights" (Mengimbangkan Hak Antara Kaum) bagi menjelaskan mengenai parti pemerintah itu.

Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata buku itu akan dilancarkan di akhir Konvensyen BN di PWTC di sini Sabtu ini.

"Ia diterbitkan kerana terdapat banyak permintaan terutama dari luar negara untuk mengetahui tentang BN," katanya pada sidang media.

Konvensyen sehari bertema "Barisan Nasional Tunggak Keutuhan Negara" itu akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN.

Mohamed berkata ketidakseimbangan kaum masih berlaku di negara ini dan krisis ekonomi serta globalisasi mungkin boleh melebarkan jurang ketidakseimbangan itu.

"Mengimbangkan hak antara kaum, tak boleh dipandang sepi, ia harus menjadi arah tuju baru. Perkara ini akan menjadi perjuangan penting bagi parti dan kerajaan," katanya.

Mohamed berkata imbalan hak antara kaum harus dianggap usaha yang penting kerana jika ia tidak ditangani, masalah-masalah baru akan timbul.

Pada konvensyen itu, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan yang akan menyentuh antara lain tentang hala tuju dan peranan baru BN untuk rakyat dan negara.

Semua presiden parti-parti komponen BN akan membahaskan ucapan itu dan Dr Mahathir akan menggulung perbahasan di akhir konvensyen yang akan dihadiri 5,000 anggota komponen.

Perlembagaan BN menetapkan bahawa parti itu perlu mengadakan konvensyen setiap tahun.

Mohamed berkata sungguhpun BN tidak mengadakan konvensyen sejak 1995, ia mengadakan acara dalam bentuk lain seperti sambutan ulang tahun penubuhan BN.

-- BERNAMA  
AFY MAM MAI